



NEGERI JOHOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF JOHORE GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 56
No. 7

29hb Mac 2012

TAMBAHAN No. 3
PERUNDANGAN

J. P.U. 17.

AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974

UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN SERAGAM

(PINDAAN) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 133 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [Akta 133], Pihak Berkuasa Negeri membuat Undang-Undang Kecil berikut:

Nama, pemakaian dan mula berkuatkuasa

(1) Undang-Undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (Pindaan) 2012** dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh ianya disiarkan dalam *Warta*.

(2) Undang-Undang Kecil ini hendaklah diguna pakai kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan dalam Negeri Johor.

Pindaan Undang-Undang Kecil 2

2. Undang-Undang Kecil 2 Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1986 yang disebut sebagai “Undang-Undang Kecil Ibu” dalam Undang-Undang Kecil ini, adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja tafsiran “siling” tafsiran baru yang berikut:

“SPAH bermaksud “Sistem Pengumpulan dan Penggunaan Semula Air Hujan” di mana air hujan dikumpul daripada bumbung dan kemudiannya disalurkan ke tangki-tangki penyimpanan air hujan sebelum digunakan.”

Pindaan Undang-Undang Kecil 10

3. Undang-Undang Kecil Ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja Undang-Undang Kecil 10(1)(a)(ix), Undang-Undang Kecil baru 10(1)(a)(x) dan (ix) yang berikut:

- (x) lokasi tangki air hujan.
- (xi) Elemen SPAH seperti sistem perpaipan, tangki air hujan, pam air dan sebagainya (yang diperlukan untuk memasang SPAH) yang berkaitan perlulah ditunjukkan dengan jelas di dalam pelan bagi jenis-jenis bangunan seperti berikut:
 - (a) berhubung dengan bangunan kediaman, SPAH perlu dipasang hanya untuk rumah banglo dan rumah berkembar yang mempunyai kawasan bumbung sama atau melebihi 100 m² sahaja; dan
 - (b) berhubung dengan semua kategori bangunan berasingan yang mempunyai kawasan bumbung sama atau melebihi 100 m².

Pindaan Undang-Undang Kecil 25

4. Undang-Undang Kecil 25(1)(c) Undang-Undang Kecil Ibu adalah dipinda dengan memotong perkataan “dan” selepas perkataan “air” dan memasukkan perkataan “dan komunikasi” selepas perkataan “elektrik”.

Pindaan Undang-Undang Kecil 27

5. Undang-Undang Kecil 27(1) Undang-Undang Kecil Ibu adalah dipinda dengan memotong perkataan “dan” selepas perkataan “air” dan memasukkan perkataan “dan komunikasi” selepas perkataan “elektrik”.

Pindaan Undang-Undang Kecil 115

6. Undang-Undang Kecil Ibu adalah dipinda dengan menggantikan Undang-Undang Kecil 115 dengan Undang-Undang Kecil baru yang berikut:

“115. Penutup Bumbung dan Saliran

(1) Semua bumbung bangunan hendaklah dibina supaya boleh disalurkan dengan berkesan kepada saluran, talang, pelongsor atau palung dan SPAH (bagi bangunan yang dikehendaki untuk memasang SPAH) yang mencukupi yang hendaklah disediakan mengikut kehendak-kehendak Undang-Undang Kecil ini bagi menerima dan membawa semua air yang mungkin jatuh di atas dan daripada bumbung itu.

(2) Bagi bangunan yang dikehendaki memasang SPAH, reka bentuk dan pembinaan SPAH hendaklah mengikut keperluan seperti berikut:

- (a) air hujan tidak boleh memasuki tangki bekalan air awam. Air daripada bekalan air awam boleh memasuki tangki air hujan dengan dilengkapi dengan suatu injap penahan aliran balik sehala atau berakhir sekurang-kurangnya pada 225 mm di atas paras limpah tangki simpanan SPAH;

- (b) alur keluar SPAH hendaklah ditanda “**Bukan Untuk Tujuan Minuman atau Mandian**” dengan jelas;
- (c) palong yang digunakan mempunyai kecerunan yang secukupnya supaya air tidak bertakung; dan
- (d) paip air hujan hendaklah berwarna hijau.”

Diperbuat pada 21 Mac 2012
[K.T. 24/68 Jld. 7; PUNJ.N. 700-1/20/1-2 Jld. 2(40)]

HAJI MOHD. HALIM BIN HASBULLAH
*Jurutulis Majlis Mesyuarat Kerajaan
Johor*

Hakcipta Pencetak ©

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN JOHOR BAHRU, 2012
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA
www.printnasiona.com.my, email.pnmbjb@printnasiona.com.my